

Malek nafi fakta WikiLeaks, mahu panel khas siasat isu IC dan pengundi
The Malaysian Insider
22 September , 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 22 Sept — Bekas pengerusi Mafrel Abdul Malek Hussin menafikan laporan WikiLeaks mendakwa bekas pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Abdul Rashid Abdul Rahman ada mengatakan lebih 60,000 rakyat asing di Sabah telah diberikan kad pengenalan palsu dan menjadi pengundi bagi membolehkan Umno-BN menguasai negeri itu.

"Itu tidak betul. Bagaimana SPR boleh mengeluarkan kad pengenalan kepada pendatang asing. Tetapi, isunya ialah ada pihak yang mengeluarkan kad pengenalan kepada pendatang asing untuk menjadi rakyat negara ini... dan menjadi pengundi," kata Malek.

Justeru kata beliau, isunya bukan WikiLeaks ataupun Rashid, tetapi masalah yang dibangkitkan iaitu pengeluaran kad pengenalan kepada pendatang asing dari Indonesia dan selatan Filipina di Sabah sejak dahulu lagi tetapi keperluan mengadakan satu suruhanjaya diraja bagi menyasat isu ini.

"Walaupun ini isu lama, tetapi masih diperkatakan. Jadi, kerajaan perlu mengadakan satu suruhanjaya diraja bagi menyasat perkara ini... isunya bukan sama ada WikiLeaks atau Tan Sri Rashid," kata beliau.

Malek menegaskan, tugas SPR hanyalah mendaftar mereka yang layak dengan memiliki status kewarganegaraan Malaysia sebagai pengundi.

"Siapa yang mengeluarkan kad pengenalan... KDN, dan agensinya ialah JPN, bukan SPR," kata Malek.

"Apabila mereka memegang kad pengenalan bertaraf rakyat Malaysia, mereka boleh didaftarkan sebagai pengundi, di SPR," kata beliau ketika dihubungi The Malaysian Insider.

Malek, yang sebelum ini menerajui badan pemantau Mafrel atau Rakyat Malaysia Untuk Pilihan Raya Bebas dan Adil berkata, dalam satu pertemuan dengan Rashid, bekas pengerusi SPR itu ada memberitahunya bahawa beliau juga ada menerima maklumat wujud peningkatan ketara dalam senarai pengundi di Banggi dan Silam.

Banggi dan Silam masing-masing merupakan kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen di Sabah.

Malek berkata perkara itu ditimbulkan apabila beliau menemui Rashid untuk mendapatkan pandangan mengenai idea mereka mahu mengadakan kajian mengenai pilihan raya termasuk isu daftar pemilih di Sabah.

"Bagaimanapun Tan Sri Rashid menasihatkan tidak, sebab ia akan melibatkan isu yang rumit, akan menimbulkan lebih banyak isu dan kepincangan," katanya lagi.

Malek berkata, idea mengenai kajian itu dibawa susulan satu forum yang membincangkan hasil pemantauan yang diadakan di ibu negara selepas pilihan raya negeri Sarawak pada

Mei 2006.

"Forum ini dihadiri oleh wakil NGO, diplomat asing, parti-parti politik seperti PBS, SAPP," kata Malek.

Ketika dihubungi The Malaysian Insider semalam, Rashid menegaskan, beliau tidak pernah mengatakan lebih 60,000 rakyat asing di Sabah telah diberikan kad pengenalan palsu dan diterima sebagai pengundi bagi membolehkan Umno-BN menguasai negeri itu.

Rashid berkata, beliau pernah bertemu dengan Malek, tetapi tidak pernah menyentuh mengenai isu pemberian kad pengenalan palsu sebagaimana didakwa.

Dalam komennya hari ini, Malek juga berkata beliau ada bertemu dengan Rashid banyak kali sama ada di rumahnya ataupun di pejabat dan sambil menyifatkan mempunyai hubungan baik bagi memperbaiki sistem pilihan raya di negara ini.

"Saya pernah jumpa dia (Malek), beberapa kali, pernah datang rumah, masa hari raya (Aidilfitri) pun pernah datang... saya memang pernah jumpa dia dalam usaha mengadakan kerjasama baik dengan badan-badan pemantau pilihan raya di negara ini.

"Tujuan saya ialah mahu mewujudkan kerjasama dan membincangkan cara-cara bagi memperbaiki undang-undang pilihan raya, mahu mendapatkan pandangan mereka... itu sahaja," kata Rashid sambil menegaskan, "setahu saya, saya tidak pernah sebutkan perkara ini (isu pemberian kad pengenalan palsu kepada rakyat asing)."

"Apa yang dicakapkan itu tidak betul," kata beliau yang pernah menyandang jawatan setiausaha SPR sebelum dilantik sebagai pengerusinya.

Rashid merupakan setiausaha SPR selama 17 tahun.

Rashid juga berkata, beberapa parti di Sabah pernah menimbulkan isu itu kepada beliau pada tahun 1980-an dan 1990-an atas kapasitinya sebagai pengerusi SPR.

"Mereka kata ada peningkatan jumlah pengundi, datang jumpa saya. Saya juga menjelaskan kepada mereka apa sebenarnya fungsi SPR.

"Soal pemberian kad pengenalan bukan kerja kami, tetapi JPN... saya beritahu mereka SPR tidak boleh campur tangan dalam isu pengeluaran kad pengenalan," kata beliau.

Laporan media memetik kabel diplomatik Amerika Syarikat yang bocor, mendedahkan kononnya Rashid mengakui pernah dikeluarkan lebih 60,000 kad pengenalan palsu kepada pekerja asing di Sabah sekitar 1990-an atas arahan Umno.

Menurut laporan itu, Mafrel yang juga bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) mengakui perkara tersebut dalam satu pertemuan di rumahnya pada 25 Oktober 2006.

Malek dilaporkan memberitahu pegawai Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur bahawa Rashid mengesahkan Umno melancarkan kempen 'kotor' sekitar 1990-an untuk merampas Sabah, yang dikuasai PBS pada 1994.

Kerajaan PBS Sabah jatuh selepas pilihan raya umum negeri pada 1994 dengan beberapa wakil rakyatnya keluar parti itu dan menyertai Umno dan komponen BN.

Parti itu menang di kebanyakan kerusi dengan majoriti tipis ketika itu. PBS kini merupakan komponen BN.

Sepanjang dekad 1990-an Umno didakwa memberikan kewarganegaraan dan kad pengenalan Malaysia kepada lebih 600,000 pekerja pendatang asing. Kebanyakan mereka dikatakan beragama Islam dari Indonesia dan selatan Filipina di Sabah untuk bertindak sebagai pengundi.

Soal pemberian taraf kewarganegaraan dengan 'segera' dan hak mengundi untuk pendatang tanpa izin telah lama menjadi isu di Sabah dan berlaturan sehingga kini.

Pemimpin-pemimpin negeri itu sama ada dalam atau luar BN berulang kali menuntut penyelesaian dengan mahu pihak kerajaan pusat mengambil tindakan sewajarnya.

Malah sejak beberapa bulan lalu, isu yang sama menjadi perhatian di Semenanjung, tetapi dinafikan oleh JPN dan SPR.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/malek-nafi-fakta-wikileaks-mahu-panel-khas-siasat-isu-ic-dan-pengundi/>